



YAYASAN ISLAM KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyertai tawaran seperti berikut:-

MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG KEPERLUAN ASAS ASRAMA KE SEKOLAH-SEKOLAH YAYASAN ISLAM KELANTAN BAGI TAHUN 2027

NO SEBUT HARGA	TARAF / SYARAT PENDAFTARAN	MOCK UP ATAU CONTOH BARANGAN PAMERAN	TARIKH, TEMPAT PENJUALAN & HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
YIK(S)400- 1/6/1JLD.9 (4)	➤ Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ➤ Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia Kod bidang : 020101	Bermula 10/9/2026 (Khamis) Masa: 8.30 pagi Hingga 3.00 petang Tempat: Bangunan Al-Tadris, Tingkat 2, Bilik Serbaguna	10/9/2026 Hingga 17/9/2026 Tempat: Unit Pembangunan, Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjung - Pasir Mas, 16010 Kota Bharu, Kelantan Harga Dokumen: RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	20/9/2026 Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari
*Sila bawa cop syarikat semasa membeli dokumen sebut harga				

2. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan semasa menghadiri sesi taklimat tender :-
 - i. Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia
 - ii. Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Satu salinan fotostat **Sijil-sijil Asal** bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan Yayasan Islam Kelantan. Yayasan Islam Kelantan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan Yayasan Islam Kelantan tidak layak.

3. Bayaran dokumen Sebutharga boleh dibuat secara Tunai di Unit Kewangan, Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebutharga bagi setiap sebutharga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebutharga sahaja.
4. Dokumen sebutharga boleh didapati di Unit Pembangunan pada waktu pejabat mulai **10 September 2026** di alamat seperti di atas. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.

Ahad hingga Rabu	-	8.30 pagi hingga 4.30 petang
Khamis	-	8.30 pagi hingga 1.00 petang
5. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
6. Yayasan Islam Kelantan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. Yayasan Islam Kelantan berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **peti sebut harga** seperti alamat di bawah :

UNIT PEMBANGUNAN
YAYASAN ISLAM KELANTAN
PETI SURAT 248, LEBUHRAYA TUNJUNG - PASIR MAS, 16010 KOTA BHARU, KELANTAN

Pada atau sebelum tarikh tutup sebutharga jam 12.00 tengah hari.

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebutharga tidak akan diterima dan ditolak.